

1. Setiap sen kutipan zakat secara telus

Perlembagaan Persekutuan menyatakan urusan berkaitan zakat adalah termasuk di dalam hal ehwal agama yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri.

Di Wilayah Persekutuan, zakat diuruskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Saban tahun, kutipan zakat di Wilayah Persekutuan menunjukkan peningkatan. MAIWP menubuhkan Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) untuk menguruskan kutipan zakat harta. Pelbagai inisiatif diambil dan Alhamdulillah, kutipan zakat meningkat. Terima kasih diucapkan kepada pembayar zakat yang menunaikan kefarduan berzakat kepada MAIWP.

Zakat yang dikutip kemudiannya diagihkan MAIWP. Menyedari amanah pembayar zakat yang mahu melihat zakat dimanfaat dan diagihkan kepada mereka yang layak, maka MAIWP sudah melaksanakan pelbagai bentuk program agihan zakat.

Sebanyak 28 skim bantuan zakat sudah diwujudkan. Mengambil contoh seorang yang dikategorikan sebagai fakir atau miskin, MAIWP akan membantu dengan menyalurkan Bantuan Kewangan Bulanan. Mereka menerima bantuan zakat ini setiap bulan antara RM250 hingga RM700 dan sehingga kini hampir 28,000 orang menerima bantuan zakat bulanan ini.

Selain itu, anak mereka dibantu persekolahan daripada peringkat sekolah rendah sehingga pengajian tinggi. Bantuan zakat bukan hanya diberikan kepada pelajar dalam bidang agama, bahkan diberikan juga kepada pelajar dalam bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, perakaunan dan sebagainya.

Zakat sewa rumah

MAIWP turut menyalurkan bantuan zakat sewa rumah sekiranya mereka tidak berkemampuan. Jika ada dalam kalangan mereka yang menghidap penyakit dan memerlukan kewangan untuk rawatan, maka MAIWP menyalurkan bantuan zakat perubatan. MAIWP kini sedang menanggung 409 pesakit buah pinggang menjalani rawatan hemodialisis yang menelan kos antara RM2,500 hingga RM3,500 sebulan. Mereka hanya perlu datang ke panel rawatan yang dilantik oleh MAIWP dan mendapatkan rawatan secara percuma.

Namun, sering juga viral (di media sosial) mengenai tindakan umat Islam mendapatkan bantuan segera di gereja. Di MAIWP, ada Bantuan Kecemasan yang memberikan bantuan dengan kadar segera kepada mereka yang ditimpa musibah, putus mata pencarian dan sebagainya. Begitulah antara 28 skim bantuan yang diwujudkan untuk menyantuni golongan asnaf.

Dalam skala yang lebih besar, dana zakat yang diterima dimanfaatkan dalam bentuk program agihan zakat secara tidak langsung. Menerusi program ini, MAIWP menubuhkan institusi pendidikan. Anak dari pada keluarga asnaf ini akan diberikan ilmu pengetahuan dan akhirnya diharap menjadi ejen mengeluarkan keluarga daripada kepompong kemiskinan.

Sebanyak sembilan institusi pendidikan sudah ditubuhkan oleh MAIWP antaranya, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz, Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI, Pondok Moden Al-'Abaqirah dan Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiah. Ramai pelajar dan graduan yang lahir dari sini sudah berjaya dan akhirnya menjadi pembayar zakat pula.

Ketelusan pengurusan zakat

Setiap sen zakat yang ingin dibelanjakan perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan. Ia kemudiannya perlu dipersetujui oleh Mesyuarat MAIWP dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum boleh dibelanjakan.

Perbelanjaan zakat itu seterusnya akan diaudit iaitu secara dalaman oleh Audit Dalaman MAIWP dan seterusnya oleh Jabatan Audit Negara. Laporan yang sudah diaudit itu kemudiannya dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan akhirnya dibentangkan di Parlimen Malaysia.

Alhamdulillah, MAIWP sudah menerima Sijil Audit Bersih sembilan tahun berturut-turut sejak 2006 dan penarafan empat bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara selama tiga tahun berturut-turut pada 2011 hingga 2013.

Untuk makluman juga, agihan zakat di Malaysia menjadi contoh kepada negara MABIMS (Pertemuan Dwi Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura).

MAIWP pada 2014 dipilih menjadi tuan rumah untuk menganjurkan Bengkel Teknikal Amalan Terbaik Pembasmian Kemiskinan pada 11-13 Ogos 2014 dan MAIWP berkongsi pengalamannya di bengkel itu.

Zakat turut dimanfaatkan menerusi kerjasama Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) melalui Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1 Malaysia MAIWP-Hospital Putrajaya, Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang dan Kedai Rakyat MAIWP.

Projek Pusat Pembedahan Katarak sudah membolehkan MAIWP dinobatkan Jabatan Paling Inovatif Jabatan Perdana Menteri 2015 atas manfaatnya yang besar kepada masyarakat.

Begitulah MAIWP sebaik mungkin mengagihkan zakat yang dibayar oleh pembayar zakat. Semoga pembayar zakat dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran pahala berlipat kali ganda.

Semoga sedikit perkongsian mengenai aktiviti agihan zakat yang dijalankan ini dapat menjawab persoalan dan kekeliruan pengagihan zakat.

Kita yakin dan percaya agensi mengurus zakat di negeri lain turut proaktif dalam mengagih zakat yang sudah dibayar. Terima kasih pembayar zakat.



Isnin, 11 Julai 2016

2. PETRONAS tamatkan operasi Berantai RSC

KUALA LUMPUR: Petronas mencapai perjanjian bersama dengan Petrofac Energy Developments Sdn Bhd, Kencana Energy Sdn Bhd dan Sapura Energy Ventures Sdn Bhd bagi menamatkan operasi Berantai Risk Service Contract (RSC) berkuat kuasa 30 September 2016.

Petronas berkata, penamatan RSC itu akan membolehkan kumpulan meminimumkan penurunan nilai jangka panjang projek tersebut dan mengoptimumkan pembangunan dan aktiviti pengeluarannya di Malaysia.

Langkah itu sejajar dengan usaha Petronas untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan operasinya, kata pengeluar minyak dan gas nasional itu dalam satu kenyataan semalam.

"Dengan penamatan RSC, Petronas akan membayar balik baki modal tertunggak dan perbelanjaan operasi kepada kontraktor bagi tempoh 12 bulan berikutnya," kata syarikat itu.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, pemilikan Berantai FPSO akan dipindahkan kepada Petronas.

Berantai RSC ialah RSC pertama dianugerah oleh Petronas kepada Petrofac Energy Developments dan dua rakan kongsi tempatannya, iaitu Kencana Energy dan Sapura Energy Ventures pada 31 Januari 2011.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura Kencana Petroleum Bhd, Tan Sri Shahril Shamsuddin berkata, Kencana Energy, Sapura Energy Ventures dan Petrofac Energy Developments berjaya mengoperasikan kemudahan itu dengan selamat dalam tempoh empat tahun lalu.

"Kami terus menyokong Petronas dalam usahanya untuk mengurangkan kos dan mengoptimumkan operasinya dengan tujuan untuk mengekalkan nilai jangka panjang projek tersebut," katanya dalam satu kenyataan berasingan. - Bernama



Selasa, 12 Julai 2016

3. Bekas pegawai polis dipenjara 12 tahun kerana rasuah

SHAH ALAM: Bekas pegawai polis berpangkat Deputi Superintendant dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini selepas didapati bersalah menerima tiga suapan berjumlah RM21,000, lapan tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Nik Azainoon Nik Aziz, 54, hanya akan menjalani hukuman penjara empat tahun mulai hari ini selepas Hakim Asmadi Husin memerintahkan hukuman terbabit berjalan serentak.

Asmadi turut menjatuhkan hukuman denda RM105,000 terhadap tertuduh dan jika gagal membayarnya, dia diperintahkan menjalani tambahan 12 bulan penjara.

Dalam prosiding sama, rakan subahat Nik Azainoon, Roslan Jali, yang bekerja sebagai juruelektrik, turut dijatuhkan hukuman penjara empat tahun selepas didapati bersalah bersetuju menerima dua suapan berjumlah RM11,000 bagi pihak Nik Azainoon.

Roslan, 49, turut didenda RM55,000 dan hukuman penjara tambahan tujuh bulan jika gagal membayar denda.

Kedua-dua tertuduh melakukan perbuatan itu antara 5 November 2008 hingga 4 Februari 2009 di Restoran Starwalk Cafe and Bakery, Taman Dagang Ampang dan Restoran A&W Petaling Jaya.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Sukri Seman mengikut Seksyen 10 (A)(B) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

4. SPRM wajar diterajui orang dalam

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali di Putrajaya. - Foto Fariz Iswadi Ismail

PUTRAJAYA: Ramai pihak menggesa Ketua Pesuruhjaya baharu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus dipilih dalam kalangan pegawai kanan suruhanjaya itu sendiri dan bukannya orang luar.

Ini berikutan tersebarnya berita sejak kebelakangan ini bahawa pegawai kanan di Jabatan Peguam Negara iaitu Ketua Pengarah Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara (NRRET), Datuk Dzulkifli Ahmad atau Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim, mungkin dilantik mengisi kekosongan itu.

Jawatan berkenaan akan kosong apabila Tan Sri Abu Kassim Mohamed, 55, menamatkan perkhidmatan lebih awal sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 1 Ogos ini atas permintaan beliau sendiri.

Tempoh jawatan beliau sepatutnya berakhir pada Disember 2018.

Sebelum ini, nama Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun, juga pernah disebut-sebut sebagai pengganti Abu Kassim, namun beliau menafikannya.

Pengerusi Pusat Kajian Dasar Awam di Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata kerajaan harus mengambil kira pandangan dan pendapat umum mengenai pemilihan calon Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu bagi memastikan beliau mendapat sokongan orang ramai dalam usaha memerangi rasuah.

Beliau berkata, sekurang-kurangnya kerajaan harus merujuk kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Pencegahan Rasuah Parlimen yang dianggotai tiga Ahli Parlimen daripada kerajaan, tiga Ahli Parlimen pembangkang dan dipengerusikan Yang Dipertua Dewan Negara, bagi mendapatkan kelulusannya.

"Kewibawaannya amat tinggi dan wajar dirujuk bagi mendapatkan pandangan secara terbuka mengenai pemilihan ini supaya rakyat lebih yakin terhadap Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu itu. Orang dalam SPRM ini mestilah berpengalaman luas, cekap, mengetahui operasi peringkat lapangan dan berdedikasi tinggi.

"Beliau juga mesti memiliki kejujuran dan berintegriti tinggi, sekali gus menjadi ketua yang mampu memberi inspirasi untuk membawa seluruh warga SPRM ke tahap baharu dalam perjuangan membanteras rasuah," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Selain Abu Kassim, timbalan beliau, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, akan bersara pada 3 Oktober ini dan ramai yang berpendapat individu paling layak menggantikan Abu Kassim ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Wan Saiful Wan Jan, berkata pendekatan itu akan memastikan agenda semasa dan kesinambungan kerja dalam SPRM diteruskan.

"Memandangkan orang nombor satu dan nombor dua SPRM akan bersara, maka calon dalaman yang paling sesuai ialah Mustafar yang juga pegawai ketiga tertinggi sekarang.

"Malah, jika mana-mana pegawai tinggi SPRM sekarang mengambil alih sekalipun, akan memastikan kesinambungan transformasi SPRM berbanding jika orang luar dilantik menerajui suruhanjaya ini," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

5. Bantuan MyBeras menerusi BRIM



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman bercakap kepada wartawan ketika majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Dewan Besar LKIM, Pulau Meranti, Puchong. - Foto Asyraf Hamzah

SERI KEMBANGAN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencadangkan bantuan untuk program MyBeras diberikan dalam bentuk duit dan disalurkan ke dalam akaun Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) bagi mengelak berlaku ketirisan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, berkata cadangan itu juga dibuat bagi memastikan tiada penerima yang layak tercicir daripada menerima bantuan berkenaan.

"Program MyBeras masih dalam kajian dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat tetapi belum tetapkan tarikhnya lagi.

"Kita mengambil masa membuat keputusan. Sekarang ia masih di peringkat kajian bagi mendapat formula terbaik dalam melaksanakan program ini.

"Cadangan terbaru yang sedang dibincangkan ialah kemungkinan kita memberi bantuan dalam bentuk duit yang dimasukkan dalam akaun BRIM. Cara ini dilihat tiada ketirisan," katanya pada Majlis Sambutan Hari Raya Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM), di Wisma LKIM di sini.

Tajuddin berkata, kajian mengenai program MyBeras masih dibincangkan di peringkat kementerian.

6. KKIP bina pusat rangkaian makanan bersepadu bernilai RM30j

KOTA KINABALU: Sebuah pusat rangkaian bekalan makanan bersepadu menerusi inisiatif perniagaan berdasarkan perkongsian perkhidmatan dan sumber luar (SSO) akan dibangunkan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Raymond Tan Shu Kiah, berkata pembinaan pusat itu yang dianggarkan membabitkan pelaburan kira-kira RM30 juta dibangunkan KKIP Property Sdn Bhd dengan kerjasama syarikat Softwise Sdn Bhd.

Beliau berkata, kemudahan itu akan dijadikan pusat sehenti khusus untuk program pembangunan produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan sasaran untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada usahawan di Sabah.

"Inisiatif ini menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada usahawan PKS termasuk kemudahan pengangkutan, penyimpanan dan pemasaran produk selain operasi pengeluaran dan latihan.

"Ia sudah dilaksanakan di KKIP dan kita melihat potensi inisiatif ini mampu membawa produk PKS Sabah lebih maju dengan adanya kemudahan serba lengkap disediakan menerusi pusat sehenti itu," katanya kepada media selepas melancarkan inisiatif SSO, di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Hashim Paijan dan Pengurus Besar KKIP Property Sdn Bhd, Samuel Wong.

Raymond yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian negeri dan Penggerusi KKIP Sdn Bhd, berkata inisiatif itu kini memberi manfaat kepada kira-kira 20 syarikat PKS dan jumlah itu dijangka bertambah kepada 50 syarikat tidak lama lagi.

"SSO adalah inisiatif terbaik dan pertama kali diperkenalkan di negeri ini bagi memastikan sektor PKS di Sabah terus berkembang dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara.

"Saya akan membentangkan inisiatif ini pada mesyuarat Majlis PKS kebangsaan yang dijangka diadakan pada akhir tahun ini untuk menunjukkan komitmen kita di Sabah dalam membangunkan sektor PKS," katanya.

7. Malaysia mahu ASEM aktifkan semula kerangka ekonomi

ULAANBAATAR, Mongolia: Malaysia akan menekankan keperluan untuk mengaktifkan semula tonggak ekonomi di bawah kerangka kerjasama ekonomi menerusi Sidang Kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Ke-11 kali ini.

Ia antara dua perkara utama yang akan disentuh oleh Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mengetuai delegasi Malaysia pada sidang kemuncak dua tahun sekali itu yang berlangsung dua hari, mulai esok.

Timbalan Perdana Menteri turut akan mengutarakan dan berkongsi pengalaman dalam tiga isu utama tonggak politik di bawah kerangka kerjasama politik iaitu membanteras keganasan, migrasi dan pemerdagangan orang.

Bercakap kepada media Malaysia di sini, sebentar tadi, Ahmad Zahid berkata, sidang kemuncak yang menyambut ulang tahun ke-20 kali ini amat signifikan buat Kuala Lumpur khususnya sumbangan terhadap tiga isu di bawah tonggak politik dilalui Malaysia.

"Kita tidak berhasrat untuk mengungguli negara lain tetapi platform ini terbaik berkongsi usaha Malaysia yang berada di barisan hadapan dalam tiga isu berkenaan.

"Pada masa sama, kita akan menyatakan pendapat dalam usaha pengukuhan antara negara Asia dan Eropah apabila Britain keluar daripada Kesatuan Eropah (EU).

"Keputusan itu sedikit sebanyak memberi kesan terhadap hubungan tradisional Malaysia dengan negara itu terutama kita mempunyai pelaburan langsung (FDI) dalam hartanah.

"Kita juga berhasrat berhasrat melihat kerjasama lebih kukuh dalam isu keselamatan maritim, keganasan serta jenayah restas sempadan, bukan saja membabitkan negara di Asia Tenggara, malah Asia dan Eropah keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, beliau mendengar taklimat daripada Duta Besar Malaysia ke China yang menjaga hubungan dengan Mongolia, Datuk Zainuddin Yahya sebaik tiba bagi menghadiri sidang kemuncak itu.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Hamidah Khamis serta pegawai kanan Wisma Putra dan Pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Sidang kemuncak itu disertai 53 rakan kongsi iaitu 21 negara Asia, 30 dari Eropah dan dua pertubuhan serantau iaitu Suruhanjaya Eropah dan Sekretariat ASEAN.



Rabu, 20 Julai 2016

8. Khairy minta serah bukti rasuah dalam FAM

PUTRAJAYA: Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar meminta semua pihak yang mempunyai bukti mengenai kegiatan rasuah dalam Persatuan Bola Malaysia (FAM) menyerahkannya kepada pihak berkuasa terbabit.

Katanya, pihak terbabit tidak boleh melindungi atau menyimpan bukti jenayah seperti itu.

"Kalau ada dakwaan terutama penyelewengan atau rasuah perlu kemukakan kepada pihak bertanggungjawab.

"Kita tidak boleh lindungi atau simpan bukti itu," katanya pada sidang media pelancaran Structured Bootcamps 2016 Program Felo Perdana di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan mengenai pemilik kelab Johor Darul Ta'zim (JDT), Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang mendakwa memiliki bukti mengenai salah laku dalam FAM.

Baginda dilapor mendakwa mempunyai pemacu simpanan mudah alih (pendrive) mengandungi pelbagai maklumat berhubung rasuah dalam FAM.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan dikeluarkan semalam menyatakan kesediaan menjalankan siasatan ke atas FAM dan pihaknya mengalu-alukan penyerahan sebarang maklumat mengenai dakwaan itu.



Jumaat, 22 Julai 2016

9. Jangan politikkan tindakan DOJ terhadap isu 1MDB

BATU PAHAT: Semua pihak diminta tidak mempolitikkan isu berkaitan laporan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat (AS) mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kerana ia membabitkan tindakan sivil dan bukan berkaitan jenayah.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata ini kerana laporan dan tindakan sivil yang dilakukan oleh DOJ hanya bertujuan untuk menentukan punca sumber sebenar aset yang disita, sama ada ia berkaitan dengan 1MDB atau sebaliknya.

Bagaimanapun, katanya, malangnya ada sesetengah pihak menganggap tindakan sivil itu seolah-olah aset terbabit sememangnya dicuri daripada pihak 1MDB dan ia adalah perkara tidak benar.

"Maksudnya, mereka (DOJ) pun belum tahu sama ada betul atau tidak betul aset terbabit adalah dari sumber 1MDB. Kalau dirujuk balik kepada sidang media DOJ, cukup jelas bahawa penyitaan (aset) itu untuk mencari dari mana sumbernya dan bukannya kata sudah bersalah.

"Selain itu, ia tidak ada kena mengena dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana ia tidak disebut pun nama Najib (dalam tindakan sivil berkenaan)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Ziarah Kasih Dewan Undangan Negeri (DUN) Senggarang dan Majlis Pecah Tanah Masjid Taman Bukit Flora, Banang Jaya di sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang, A Aziz Ismail; Timbalan Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Mohd Zaidi Japar dan Pengerusi Pembangunan Masjid Taman Bukit Flora, Adam Wong Abdullah.



Jumaat, 22 Julai 2016

10. Eksport peralatan perubatan dijangka cecah RM17 bilion

KUALA LUMPUR: Eksport Industri peralatan perubatan tempatan diunjur berkembang 15 peratus kepada RM17.8 bilion tahun ini, kata Pengerusi Industri Perubatan Malaysia (AMMI), Hitendra Joshi.

Tahun lalu jumlah eksport industri perubatan tempatan bernilai RM15.53 bilion.

Beliau berkata, eksport ahli AMMI tahun lalu dalam segmen itu bernilai RM8.36 bilion, mewakili peningkatan 20 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Ini mewakili lebih 50 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport peralatan perubatan Malaysia pada 2015," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Laporan Tinjauan Peralatan Perubatan AMMI 2016 di Kuala Lumpur sebentar tadi.

Hitendra berkata, pelaburan terkumpul ahli AMMI tahun lalu bernilai RM5.09 bilion berbanding pelaburan terkumpul RM4.27 bilion setakat 2014.

11. 1MDB: Pastikan tiada wang rakyat disalah guna - PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak berucap pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Haji Program Khas Haji Perdana Menteri 2016 di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya, hari ini. - Foto Fariz Iswadi Ismail

PUTRAJAYA: Kerajaan mahu individu yang dinamakan oleh Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat (AS) dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengambil tanggungjawab membersihkan nama dan memastikan tiada wang rakyat disalah gunakan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mahu rakyat tidak terbawa-bawa dengan isu berkenaan dan menyerahkan kes itu untuk proses keadilan yang sewajarnya.

"Inilah pendirian kerajaan dan kita akan beri kerjasama sepenuhnya. Kita harap lambat laun kita akan tahu kebenaran," katanya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Fardu Haji Program Khas Haji Perdana Menteri 2016 tajaan Yayasan 1MDB di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Perdana Menteri berkata, banyak pihak yang mencela 1MDB namun terlupa pelbagai program sosial dilaksanakan syarikat itu untuk manfaat rakyat, termasuk Program Khas Haji berkenaan.

"Usaha untuk terus memantapkan 1MDB akan kita laksanakan dan saya yakin dalam masa terdekat, kedudukan 1MDB akan lebih mantap dan kukuh," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyerahkan surat tawaran haji kepada 1,100 imam dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) seluruh negara yang terpilih menunaikan ibadat itu melalui program berkenaan pada tahun ini.



Selasa, 26 Julai 2016

12. SPAD tangguh bentang kajian Uber, GrabCar ke Kabinet

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menangguhkan ke bulan depan atau September ini bagi membentangkan kertas kajian mengenai syor khidmat teksi Uber dan GrabCar untuk dibenar beroperasi serentak, kepada Kabinet.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, berkata pihaknya akan meneliti pandangan semua pihak bagi menambah baik cadangan sedia ada sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Kabinet.

"Kita belum menetapkan tarikh membentangkan kertas kajian ini kerana masih banyak perlu diperkemaskan supaya ia dapat diterima semua pihak," katanya kepada pemberita ketika menghadiri jamuan Aidilfitri Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Di JPM, Datuk Razali Ibrahim; Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman, Datuk Haini Hassan; Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Mohd Zaki Ali dan Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk Abdul Rahman Putra.

Baru-baru ini, SPAD mengumumkan mahu mendapatkan pandangan pelbagai pihak, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mencari rumusan memungkinkan perkhidmatan Uber dan GrabCar dapat wujud bersama, termasuk dalam soal mengawal selia penggunaan aplikasi kenderaan berkenaan.

Majlis yang sama turut menyaksikan acara penyerahan tugas Nancy kepada Menteri di JPM, Datuk Seri Azalina Othman Said, yang dilantik sebagai menteri bertanggungjawab terhadap BHEUU berkuat kuasa 28 Jun lalu.

Sementara itu, Nancy pula bertukar portfolio menyelia Agensi Inovasi Malaysia, Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia dan Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), berkuat kuasa tarikh sama.

Beliau juga bertanggungjawab terhadap agensi di bawah kawal selianya sebelum ini iaitu SPAD, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan LPKP Sabah.

13. Abu Kassim akan teruskan agenda cegah rasuah

TAN Sri Abu Kassim Mohamed berucap pada pada Majlis Penghargaan Bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM di Kuala Lumpur, sebentar tadi. - Foto Muhd Asyraf Sawal

KUALA LUMPUR: Tan Sri Abu Kassim Mohamed bertekad untuk meneruskan agenda membanteras rasuah walaupun bakal menamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mulai 1 Ogos depan.

Katanya, tempoh perkhidmatan selama enam tahun tujuh bulan sudah cukup lama dan dia berterima kasih kepada semua pihak termasuk pegawai dan kakitangannya kerana sepanjang tempoh itu mereka berjaya menjadikan SPRM kini sebagai antara agensi pencegahan rasuah yang disegani di dunia.

"Terima kasih kepada seorang tokoh yang amat penting dengan menukar Badan Pencegahan Rasuah (BPR) kepada SPRM iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.. terlalu banyak peristiwa yang hendak diceritakan tentang komitmen beliau kepada BPR dan SPRM sehingga menjadi satu agensi yang dihormati dalam negara serta disegani seluruh dunia.

"Terima kasih juga kepada pihak yang 'berperang' di Parlimen untuk memastikan Akta SPRM 2009 menjadi nyata dan mempertahankannya satu persatu," katanya ketika berucap pada pada Majlis Penghargaan Bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM di sini, tadi.

Yang turut hadir, Abdullah dan isteri, Tun Jane Abdullah; bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang serta bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Hadir sama, bekas Pengurus Media Prima Berhad, Tan Sri Johan Jaaffar dan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali.

Abu Kassim berkata, selepas ini beliau akan meneruskan perjuangannya membanteras rasuah dengan berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang itu sebagai pakar jemputan di Akademi Anti-Korupsi Antarabangsa di Vienna, Austria selain sebagai perunding di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Abu Kassim juga akan terus menyumbang kepada negara sebagai Pegawai Perkhidmatan Pencegahan Rasuah sehingga bersara wajib pada 6 Disember 2020.

Beliau yang memulakan tugas sebagai pegawai penyiasat BPR pada 1984, dilantik menjadi Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 1 Januari 2010.

Dalam pada itu, Abu Zahar yang juga bekas Pengurus Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dalam ucapannya berharap pengganti Abu Kassim akan dilantik daripada kalangan 'orang dalam' SPRM sendiri.

"Kalau boleh pengganti Ketua Pesuruhjaya adalah dari orang dalam SPRM sendiri, bukannya orang luar. Ini untuk lebih mudah menjalankan tugas kerana sudah tahu selok belok cara kerja SPRM.

"Jika ambil ambil orang luar, ini sedikit sebanyak akan menurunkan moral kepada orang kanan dan bawahan kerana perlu ikut arahan daripada mereka yang tiada pengalaman," katanya.



Jumaat, 29 Julai 2016

14. SPRM tahan 3 anggota polis

KOTA KINABALU: Tiga anggota polis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) malam tadi, selepas dipercayai menerima wang sogokan RM300 daripada seorang pembantu kedai di sini, baru-baru ini.

Suspek yang masing-masing berpangkat koperal, lans koperal dan konstabel itu ditahan di pejabat SPMR Kota Kinabalu di sini, kira-kira jam 8 malam.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, berkata anggota berusia 24, 27 dan 39 tahun itu ditahan selepas pengadu membuat aduan pada 4 Julai lalu.

"Pengadu yang juga seorang pembantu kedai berusia 23 tahun itu mendakwa dipaksa menyerahkan wang terbabit oleh tiga anggota berkenaan pada 4 Julai lalu kira-kira jam 11.30 pagi di sebuah kompleks beli-belah.

"Bayaran itu dipercayai sebagai balasan supaya anggota terbabit tidak mengambil tindakan terhadap pengadu kerana memiliki dokumen pengenalan diri palsu," katanya di sini, malam tadi.

Difahamkan, pengadu menggunakan wang diberi kakaknya untuk membeli barang persiapan Aidilfitri bagi membayar suspek.

Shaharom Nizam berkata, pengadu membuat aduan di pejabat SPRM pada hari yang sama.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



Jumaat, 29 Julai 2016

15. JPJ, PDRM, SPAD bangunkan sistem penguatkuasaan bersepadu

IPOH: Tiga agensi giat membangunkan sistem integrasi bersepadu bagi melaksanakan pengurusan penguatkuasaan lebih menyeluruh.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Nadzri Siron, berkata pihaknya sudah berbincang dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi melaksanakan perkongsian maklumat secara masa nyata dan terus dalam talian.

"Kita bersetuju supaya sistem integrasi sedia ada ditingkatkan, khususnya prosedur menyenaraikan hitam pemandu, pemilik dan kenderaan.

"Ketika ini, JPJ menggunakan sistem perkomputeran mySIKAP manakala PDRM menggunakan sistem sendiri dan SPAD sedang membangunkan sistemnya," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke ibu pejabat JPJ Perak di sini, pagi ini.

Nadzri berkata, perbincangan antara tiga agensi berkenaan dibuat atas arahan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, susulan kemalangan membabitkan sebuah bas merempuh 10 kenderaan berhampiran Terowong Menora dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, ketika ini semua notis saman dikeluarkan oleh JPJ tidak boleh diakses PDRM dan begitu juga sebaliknya manakala SPAD perlu berhubung dengan JPJ untuk mendapatkan maklumat berkaitan.

Justeru, katanya, sistem integrasi bersepada yang dibangunkan dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) itu diharap menyelesaikan masalah berkenaan.



Jumaat, 29 Julai 2016

16. Untung TNB naik kepada RM2.53b pada suku ketiga

KUALA LUMPUR: Untung sebelum cukai Tenaga Nasional Bhd (TNB) pada suku ketiga berakhir 31 Mei, 2016 meningkat kepada RM2.53 bilion berbanding RM734.90 juta pada suku sama tahun lalu.

Perolehan naik kepada RM12.13 bilion berbanding RM9.90 bilion sebelum ini, kata syarikat itu semalam.

TNB berkata perolehan yang lebih tinggi itu disebabkan oleh penerimaan rebat tarif Pelepasan Kos Ketidakseimbangan (ICPT) pada suku sama yang berjumlah RM1.82 bilion berbanding RM537.6 juta sebelum ini.

"Satu lagi faktor utama adalah peningkatan jualan elektrik kumpulan sebanyak RM798.4 juta, atau 7.4 peratus.

"Peningkatan itu sebahagian besarnya daripada jualan elektrik di Semenanjung Malaysia, yang mencatatkan kenaikan sebanyak 7.6 peratus, dengan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus," katanya.

Kesan daripada penerimaan ICPT dan jualan elektrik yang lebih tinggi pada suku semasa menyebabkan keuntungan yang lebih tinggi kepada pemilik syarikat sebanyak RM1.52 bilion. -

17. Kes DOJ bukan mengenai ekonomi Malaysia

TAN Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah. - Foto Abdullah Yusof

KUALA LUMPUR: Saman civil Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat untuk mendapatkan kembali aset yang diperoleh melalui dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang didakwa diselewengkan, tidak akan menjelaskan penarafan negara, kata Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan itu berkata, malah saman civil itu bukan mengenai ekonomi.

"Ia tidak kena mengena dengan ekonomi," katanya ketika menjawab soalan anggota media selepas menutup program perintis Bahasa Inggeris 1Malaysia (BI1M) di sini, hari ini.

Pada 20 Julai, DoJ memfailkan saman civil untuk merampas aset yang diperoleh dengan wang yang didakwa diseleweng daripada 1MDB.

Ketika ditanya mengenai penurunan taraf Penarafan Mungkir Penerbit Mata Wang Tempatan dan Asing Jangka Panjang Petronas kepada 'A-' daripada 'A' oleh Fitch Ratings baru-baru ini, Mohd Irwan Serigar berkata, ia adalah 'perkara sementara.'

"Petronas ialah entiti yang menjana keuntungan dan dari segi prestasi ia baik, tetapi disebabkan persekitaran dunia - harga minyak dan sebagainya - ia adalah satu perkara sementara."

"Dari segi pewujudan pekerjaan, Petronas masih mewujudkan peluang pekerjaan, projek Rapid (Pembangunan Bersepadu Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia) masih diteruskan, oleh itu tiada kebimbangan mengenai penarafan pada masa depan," katanya.